



JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JETI

SUHAILA BINTI ABU HASSAN
(2003466258)

JAZAH SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN)

NOVEMBER 2005

**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN JETI

**Satu disertasi yang disediakan sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk
penganugerahan Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian).**

**DISEDIAKAN OLEH : SUHAILA BINTI ABU HASSAN
NO. PELAJAR : 2003466258
SESSI : TAHUN AKHIR (2004 / 2005)**

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian terhadap pembinaan dan penyelenggaraan di Jeti Tanjung Dawai, Jeti Kuala Kedah, Jeti Kuala Perlis dan Jeti Pulau Ketam. Umum mengetahui tujuan utama pembinaan dilakukan adalah untuk memudahkan pelancong atau penduduk tempatan berulang-alik dari satu Pulau ke Pulau yang lain selain daripada menjalankan kegiatan dan aktiviti-aktiviti apabila kapal-kapal kecil dan feri berlabuh di mana aktiviti pemungghahan dan penghantaran dijalankan dalam kuantiti yang sedikit dan membawa penumpang atau pelancong ke destinasi yang ingin dituju. Penyelenggaraan pula dilakukan bagi memastikan menjamin keselamatan pengguna dan untuk mengelakkan struktur jeti daripada berlakunya kerosakan dan kecacatan. Ini penting untuk diketahui kerana jika ia tidak dapat berfungsi sebaiknya atau seperti yang diharapkan ia akan membazir dan amat merugikan kerana pembinaan dan penyelenggaraannya memerlukan kos yang tinggi. Ini termasuklah kaedah rekabentuknya, adakah ia memenuhi piawaian yang ditetapkan ataupun tidak.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

ABSTRAK	i
SENARAI GAMBARAJAH	ii
SENARAI RAJAH	iv
SENARAI JADUAL	v
SINGKATAN NAMA	v
KANDUNGAN	vi
PENGHARGAAN	xv
BAB 1	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Isu Kajian	4
1.2 Tujuan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	7
1.5 Methodologi Kajian	9
BAB 2	
PENYELENGGARAAN SECARA UMUM	
2.0 Pengenalan	11
2.1 Definasi Penyelenggaraan	14

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia terdapat banyak jeti yang telah dibina selaras dengan perkembangan dunia hari ini yang menekankan sains dan teknologi. Jeti boleh didefinisikan sebagai jambatan, titi panjang yang menjulur kelaut dan titi pengkalan juluran. Jeti merupakan salah satu nadi kepada pemunggahan kargo, penumpang dan pelancong berulang-alik dari satu Pulau ke Pulau yang lain. Fungsi jeti ini bertujuan untuk menjalankan kegiatan dan aktiviti-aktiviti apabila kapal-kapal kecil dan feri berlabuh di mana aktiviti pemunggahan dan penghantaran dijalankan dalam kuantiti yang sedikit dan membawa penumpang atau pelancong ke destinasi yang ingin dituju. Kebiasaannya ia melibatkan proses import dan eksport barang-barang kecilan dan tempatan. Proses ini hanya melibatkan beban yang ringan dikenakan pada struktur jeti. Oleh sebab itu penting untuk kita merekabentuk struktur jeti yang sesuai.

Bagi merekabentuk struktur jeti yang baik dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sempurna beberapa kriteria pembinaan haruslah di titikberatkan. Antaranya ialah jarak dan kedalaman, tekanan hidrostatik, suhu, gelombang air laut, tiupan angin serta pasang surut air laut. Hari ini keadaan jeti tidak sebaik yang